

## NEWS CLIPPING

MEDIA: Berita Harian

DATE: 27 November 2014

SECTION/PAGE: Bisnes/ Pg B2

# MRT Corp guna RM9.7 bilion bagi Laluan 1

Mass Rapid Transit Corp (MRT Corp) setakat ini membelanjakan RM9.7 bilion bagi projek MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang (Laluan 1), kata Ketua Eksekutifnya, Datuk Wira Azhar Abdul Hamid.

Beliau berkata, peruntukan RM23 bilion bagi projek Laluan 1 diberikan kerajaan secara berperingkat dan bukan bayaran sekali gus.

"Projek dibiayai kerajaan yang dijangka siap menjelang Julai 2017, berjalan secara berperingkat dan diberi tempoh untuk disiapkan, peruntukan akan digunakan sepenuhnya," katanya pada taklimat media berhubung kemajuan projek MRT di Petaling Jaya, semalam.

Setakat ini, katanya, 78 pakej kerja bernilai RM21.02 bilion telah diberikan kepada kontraktor dengan tujuh lagi projek belum diberikan.

"Lima daripada tujuh projek itu bernilai RM250 juta. Syarikat bagi pakej berkenaan telah disenarai pendek. Pembinaan projek Laluan



**"Projek dibiayai kerajaan yang dijangka siap menjelang Julai 2017, berjalan secara berperingkat dan diberi tempoh untuk disiapkan, peruntukan akan digunakan sepenuhnya"**

**Azhar Abdul Hamid,**  
Ketua Eksekutif MRT Corp

1 siap 55.21 peratus setakat pada 31 Oktober 2014.

"Pada tahap ini, kami yakin untuk mencapai sasaran bagi keseluruhan laluan terbabit untuk beroperasi pada Julai 2017," katanya, sambil menambah 53 peratus daripada landasan laluan atas sudah siap.

Sementara itu, MRT Corp menafikan Sime Darby Bhd sudah mengemukakan permohonan sambungan Laluan MRT Sungai Buloh-Kajang (Laluan 1) ke projek pembangunan City of Elmina.

Laporan sebelum ini menyatakan Sime Darby sudah mengemukakan permohonan bagi sambungan Laluan 1 itu ke projek pembangunan berkeluasan 2,000 hektar miliknya.

Azhar menegaskan, sehingga kini, pihaknya tidak menerima sebarang surat, mahupun permohonan rasmi daripada syarikat pemaju hartanah berkenaan.

"Kami turut membacanya (laporan permohonan itu) di dalam akhbar dan berkemungkinan mereka bercakap dengan CEO (ketua pegawai eksekutif) lain," katanya.

Sime Darby menerusi sayap pelaburannya, Sime Darby Property dalam proses membangunkan sebuah projek perbandaran City of Elmina yang terletak di sepanjang Lebuhraya Koridor Guthrie. **BERNAMA**